

UPM Serdang Angels lunas dendam

Oleh MUHAMMAD RIDUAN MOHD HANAFIAH | 15 Ogos 2022, 6:49 pm



Serdang Angels kembali merampas kemenangan selepas tewas terhadap pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada edisi 2018.

TANJUNG MALIM – Skuad Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan mereka adalah pasukan gergasi ragbi tujuh sebelah (7's) apabila merangkul dua emas pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022.

Skuad UPM yang terkenal dengan gelaran Serdang Angels tersebut kembali merampas kemenangan selepas tewas terhadap pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada edisi 2018.

Namun, dendam UPM akhirnya berbalas selepas menyenaraikan sembilan pemain Sukan Komanwel untuk membenam cabaran UIAM dengan keputusan 42-0 di Padang Istiadat, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Tanjung Malim, Perak hari ini.

Jurulatih ragbi UPM, Mohamad Nazeer Nesharah berkata, dia berpuas hati akhirnya UPM kembali merampas gelaran selepas dikecewakan pada edisi 2018.

“Alhamdulillah saya berpuas hati dengan persembahan yang ditampilkan para pemain. Mereka bermain dengan sangat baik tanpa memberi peluang kepada lawan untuk membuat try.

“Kemenangan ini juga bagi saya cukup manis kerana kita berjaya membala dendam apabila kalah pada edisi lalu. Akhirnya kita berjaya bawa balik pingat emas ragbi ini kembali bumi Serdang,” katanya sejurus selepas perlawanan.

Selain meraih emas bagi kategori lelaki, UPM turut menungguli bagi kategori perempuan selepas menewaskan pasukan Politeknik pada perlawanan akhir

Pada aksi tersebut, meskipun pada awalnya UPM dilihat agak ketinggalan, namun semangat juang yang tidak kenal erti mengalah menyaksikan anak buah Faat Hor Rozi bangkit untuk memenangi perlawanan dengan keputusan 13-10.

“Kredit perlu diberikan kepada pasukan saya. Walaupun satu ketika mereka ketinggalan agak jauh, tapi mereka tetap berusaha untuk bangkit.

“Akhirnya mereka bukan sahaja berjaya menyamakan kedudukan tetapi berjaya memenangi perlawanan ini. Satu persembahan yang perlu diberi pujian,” ujarnya.- KOSMO! ONLINE